

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

UNDANG-UNDANG KECIL PENGENDALI MAKANAN
(MAJLIS DAERAH KERIAN) 1982

Akta 171.

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 73 Akta Kerajaan Tempatan 1976, Majlis Daerah Kerian membuat dan menurut seksyen 103 Akta tersebut, Pihak Berkuasa Negeri mengesahkan undang-undang Kecil yang berikut:

Nama,
pemakaian
dan mula
berkuatkuasa.

1. Undang-undang kecil ini bolehlah dinamakan **Undang-undang Kecil Pengendali Makanan (Majlis Daerah Kerian) 1981** dan hendaklah dipakai hanya bagi kawasan Majlis Daerah Kerian sahaja dan hendaklah disifatkan sebagai telah mula berkuat kuasa pada 1hb Januari 1982.

Tafsiran.

2. Dalam undang-undang kecil ini, melainkan jika kandungan ayatnya menghendaki makna yang lain—

“jualan” atau “jual” termasuklah barter dan pertukaran dan juga termasuk tawaran atau percubaan untuk menjual atau menyebabkan atau membenarkan untuk dijual atau didedah bagi jualan atau menerima atau menghantar atau penyerahan bagi jualan atau membekal apa-apa makanan di mana balasan akan diterima oleh pembekal bagi pembekalan sama ada secara khusus atau sebagai sebahagian dari perkhidmatan yang dikontrakkan atau ada dalam miliknya untuk jualan atau ada dalam miliknya apa-apa makanan yang ia ketahui bahawa makanan itu berkemungkinan akan dijual atau ditawarkan atau didedah untuk jualan dan berkaitan hanya dengan jualan bagi penggunaan atau pemakaian manusia;

“makanan” termasuklah tiap-tiap satu benda yang dijadikan makanan atau minuman oleh manusia atau yang masuk ke dalam atau adalah digunakan di dalam persebatian atau persediaan apa-apa satu benda itu dan termasuklah juga bahan pewarna dan perasa dan rempah-rempah perasa, tetapi tidak termasuk—

- (a) benda atau bahan yang digunakan hanya sebagai dadah;
- (b) binatang atau burung yang hidup; atau
- (c) fodder atau barang makanan bagi binatang, burung atau ikan;

“persediaan” termasuklah perkilangan, pengangkutan, simpanan dan menghidang makanan dan “menyediakan” hendaklah ditafsirkan sewajarnya;

“Yang Dipertua” ertinya orang yang pada masa itu menjalankan kewajipan-kewajipan jawatan Yang Dipertua Majlis Daerah Kerian dan termasuklah Setiausaha.

3. Tiada seorang yang bekerja menjual atau menyediakan bagi jualan makanan boleh menggunakan bagi apa-apa maksud mengenai trednya—

Bekalan air.

(a) mana-mana air selain daripada air dari paip yang disambung kepada saluran besar daripada bekalan air awam; atau

(b) mana-mana air dari paip atau lain punca di dalam tandas persendirian atau awam atau lain-lain kemudahan.

4. (1) Tiap-tiap orang yang bekerja dalam penjualan atau persendirian bagi menjual makanan hendaklah pada setiap masa menyenggara tempat yang digunakan bagi penjualan atau persediaan itu dalam keadaan yang bersih

Kebersihan tempat-tempat yang digunakan untuk persediaan dan penjualan makanan.

(2) Ia hendaklah juga menjaga kebersihan mana-mana lebu, lorong atau kawasan lapang yang hampir sekali di hadapannya, di belakangnya atau di tepi-tepi tempat yang digunakan bagi penjualan atau persediaan itu dalam keadaan yang bersih dan bebas dari himpunan bahan-bahan berbahaya atau mengganggu, atau sampah, kotoran atau lain-lain bahan atau benda yang dibuang olehnya.

5. Tiap-tiap orang yang bekerja dalam penjualan atau persediaan bagi penjualan apa-apa makanan hendaklah menyimpan makanan pada setiap masa makanan dan semua bekas, perkakas, kenderaan, barang-barang, alat, alat-alat tred, kerusi-meja, padangan, jentera dan lain-lain peralatan yang digunakan bagi atau berhubung dengan makanan itu bersih dan bebas dari kotoran dan habuk, bau busuk, bubuk dan lalat atau lain-lain serangga.

Makanan hendaklah disimpan jauh daripada habuk dsb.

6. (1) Tiada seorang boleh menjual apa-apa benda makanan yang kotor atau mengandungi apa-apa jirim asing kepada jenis makanan itu.

Penjualan makanan yang kotor dilarang.

(2) Tiada seorang boleh menjual atau membungkus untuk dijual apa-apa benda makanan dalam bungkusan yang kotor.

7. (1) Tiap-tiap orang yang bekerja dalam penjualan atau persediaan makanan untuk dijual hendaklah, jika mengambil bahagian sedemikian, menyenggara pakaiannya dan badannya dalam keadaan bersih.

Kebersihan pengendali makanan.

(2) Tiap-tiap orang yang bekerja dalam penjualan atau persediaan makanan untuk dijual hendaklah, pada setiap kali sebelum memulakan penjualan atau persediaan itu, atau selepas menggunakan mana-mana tandas, tempat sulit, bilik kecil, atau lain-lain kemudahan yang sama dan sebelum memulakan penjualan atau persediaan itu membasuh tangannya sungguh-sungguh dengan sabun dan air bersih.

(3) Tiada seorang boleh meludah, membuang hingus daripada hidung, menghisap atau menggunakan tembakau atau bahan sedutan atau mana-mana lain persediaan atau mengunyah tembakau atau buah pinang semasa bekerja ketika penjualan atau persediaan bagi jualan apa-apa makanan.

(4) Tiada seorang yang mempunyai luka atau pecah kulit di tangan atau di jari boleh bekerja dalam penjualan atau persediaan bagi jualan makanan melainkan luka atau pecah kulit itu dibalut rapi dengan balutan tahanair.

Orang-orang yang dilarang mengendali makanan.

8. Tiada seorang—

- (a) yang mengidap penyakit yang merebak;
- (b) yang membawa apa-apa penyakit jangkitan;
- (c) yang mengidap apa jua keadaan menyebabkan keluarnya nanah atau serum dari mana-mana bahagian badan atau lain-lain penyakit kulit;
- (d) yang mempunyai sebab mempercayai atau mengesyaki bahawa ia berkemungkinan menyebarkan organisma yang membiakkan penyakit; atau
- (e) yang ada membuat perhubungan dengan mana-mana orang yang mengidap penyakit yang merebak,

boleh bekerja dalam penjualan atau persediaan bagi jualan apa-apa benda makanan atau apa-apa benda yang digunakan atau mungkin digunakan sebagai makanan atau apa-apa material yang digunakan atau mungkin digunakan sebagai pembalut atau bekas simpanan bagi makanan.

Penggunaan sewajarnya kain bagi maksud membersihkan.

9. Tiada seorang boleh menggunakan bagi maksud melap atau membersihkan atau mengilat apa-apa makanan bagi jualan atau apa-apa bungkusan atau alat yang digunakan berhubung dengannya apa-apa kain buruk atau kain lain daripada penyapu habuk atau kain yang wajar disimpan semata-mata bagi maksud itu, dan adalah yang disenggara pada setiap masa dalam keadaan bersih.

Tempat-tempat yang dilarang bagi jualan atau persediaan makanan.

10. (1) Tiada seorang boleh menjual atau menyediakan bagi jualan apa-apa benda makanan di dalam mana-mana kandang, jamban, tempat sulit atau bilik air atau di mana apa-apa binatang atau burung dibiarkan berada.

(2) Tiada seorang boleh menjual atau menyediakan bagi jualan apa-apa benda makanan di mana-mana tempat di mana apa-apa benda, binatang atau burung disimpan, atau apa-apa kerja dijalankan dengan mana benda makanan itu boleh tercemar atau keadaan baik atau kebersihannya terjejas.

(3) Tiada seorang boleh meletak, menyimpan, membawa, menyibar, atau mengguna atau menyebabkan diletak, disimpan, dibawa, disibar, atau diguna di mana-mana tempat yang digunakan untuk jualan atau persediaan bagi jualan apa-apa makanan apa-apa racun atau apa-apa jirim yang merbahaya atau mengganggu atau apa-apa lain material yang mungkin mencemar keadaan baik makanan itu; tetapi tiada apa-apa di dalam ini boleh menahan penggunaan betul semburan campuran yang mengandungi racun bagi maksud mengawal serangga-serangga atau lain-lain musuh.

11. (1) Tiada seorang boleh memasuk, membawa atau menyimpan apa-apa benda makanan untuk jualan dalam mana-mana beg, karung atau bekas yang serupa yang mana pada mana-mana masa mengandungi, atau telah digunakan untuk mengisi apa-apa racun atau material yang merbahaya atau mana-mana material yang boleh menyebabkan makanan itu menjadi tidak baik atau tidak layak untuk dimakan oleh manusia.

Bekas
simpanan
yang dilarang.

(2) Tiada apa-apa peti, bakul atau lain-lain bekas yang kotor boleh digunakan untuk mengisi atau menyediakan apa-apa benda makanan bagi jualan.

12. (1) Tiada seorang boleh meletakkan hingga tersentuh dengan apa-apa makanan bagi jualan atau mana-mana bungkusan yang mengandungi makanan bagi jualan apa-apa plastik, logam atau lain-lain objek, benda atau bahan untuk dijual atau diberi kepada pembeli ketika jualan makanan kecuali objek, benda atau bahan itu diliputi sepenuhnya dalam suatu balutan dibuat dari material yang tidak mencemarkan makanan itu dan yang tidak mengandungi ingredian yang mungkin diserap oleh, atau ada kemungkinan meresap ke dalam makanan dan tiada seorang boleh meletakkan apa-apa benda atau bahan dalam apa-apa makanan mengikut cara sebagaimana ianya dicampurkan atau disatukan dengan makanan itu.

Kecemaran
makanan.

(2) Tiap-tiap orang yang menjual apa-apa makanan yang biasa dimakan dalam keadaan ianya dijual hendaklah menjaga makanan itu, sehingga ianya diterima oleh seorang pembeli, dengan menyimpan dalam bekas tertutup atau dengan lain cara yang berkesan.

(3) Tiada seorang boleh membawa untuk jualan apa-apa benda makanan yang biasa dimakan dalam keadaan ianya dijual kecuali ianya dibungkus atau diletak di dalam bekas atau lain-lain bungkusan yang sengaja dibentuk bagi menghindar benda makanan itu dari tercemar.

(4) Tiada seorang boleh membawa, meletak atau mendeposit atau dibenarkan membawa, meletak atau mendeposit dalam mana-mana kenderaan yang digunakan bagi membawa apa-apa benda makanan yang biasa dimakan dalam keadaan ianya dijual, mana-mana kotoran, benda yang mengganggu atau lain-lain material yang mungkin mencemar keadaan baik atau kebersihan benda makanan yang dibawa di dalamnya.

(5) Tiada seorang boleh mengguna berkaitan dengan penjualan atau persediaan bagi jualan apa-apa benda makanan yang biasa dimakan dalam keadaan ianya dijual, apa-apa kertas yang terdapat bahan tulisan atau cetakan di atasnya mengikut apa jua cara di mana makanan itu boleh tersentuh dengan bahan tulisan atau cetakan itu.

(6) Tiada seorang boleh menjual apa-apa benda makanan yang biasa dimakan dalam keadaan ianya dijual, yang telah jatuh, diletak atau disimpan atas mana-mana kaunter, bar atau lantai kecuali ianya dijaga atau dibungkus supaya terhindar benda makanan itu dari kemungkinan tercemar.

13. Tiada seorang boleh menjual atau menyediakan bagi jualan apa-apa makanan di mana-mana premis, jalan atau lain-lain kawasan lapang yang tingginya rendah daripada 0.4572 meter atas permukaan tanah bagi premis, jalan atau kawasan lapang itu.

Persediaan
dan
Penjualan
makanan
di atas
permukaan
tanah.

Alat-alat.

14. (1) Tiada seorang boleh mengguna untuk menghidang makanan bagi jualan apa-apa alat makanan atau minuman yang tidak dibersihkan selepas pemakaian yang terakhir yang mana alat itu telah digunakan sama ada atau tidak alat itu diberi kepada orang yang sama yang sebelum itu menggunakan alat tersebut.

(2) Tiada seorang boleh mengguna atau terdapat dalam miliknya untuk kegunaan bagi jualan atau persediaan bagi jualan apa-apa makanan, apa-apa bekas minuman, pinggan, piring atau lain-lain bekas simpanan yang sumbing, pecah atau retak.

Pengendalian makanan.

15. (1) Tiap-tiap orang yang menjual atau menyedia untuk jualan apa-apa makanan yang biasa dimakan dalam keadaan ianya dijual hendaklah jangan semasa penjualan atau persediaan itu—

- (a) mengendali atau ^{membawa} mengendali apa-apa makanan dengan jari-jarinya tetapi hendaklah menggunakan sepit penyeduk atau lain-lain perkakas yang sesuai bagi tiap-tiap maksud itu; dengan syarat orang-orang yang tertentu atau kelas orang yang tertentu boleh dikecualikan atas kelulusan bertulis oleh Yang Dipertua;
- (b) mengguna jari-jarinya ke mulut, mata, telinga, hidung atau kulit kepada semasa menjalankan pembungkusan atau penghidangan itu;
- (c) mengguna nafasnya untuk membuka mana-mana beg atau pembalut;
- (d) menyapu tangannya ke atas bajunya atau dengan apa-apa cara selain dengan tuala atau kain yang bersih;
- (e) meletak, sehingga menyentuh makanan bagi jualan, apa-apa bahan, material atau benda yang kotor atau mungkin mencemar makanan itu, atau yang telah disentuh dengan mulut; atau
- (f) batuk atau bersin berhampiran mana-mana makanan.

(2) Sepit penyeduk atau lain-lain perkara yang sesuai bagi mengendali apa-apa makanan yang biasa dimakan dalam keadaan ianya dijual hendaklah dibersihkan selalu dan setiap masa bebas dari dicemar.

(3) Tiada seorang yang bekerja menjual atau menyedia bagi jualan apa-apa makanan boleh menyentuh dengan mulut apa-apa alatan yang digunakan untuk atau berkaitan dengan jualan atau persediaan itu.

(4) Tiada seorang yang bekerja menjual atau menyedia bagi jualan apa-apa makanan yang biasa dimakan dalam keadaan ianya dijual boleh membawa apa-apa alatan atau alat yang digunakan untuk atau berkaitan dengan jualan atau persediaan itu dengan cara yang boleh menjejaskan keadaan baik, kebersihan atau kebebasan makanan itu dari pencemaran.

Pengangkutan makanan.

16. (1) Tiada seorang boleh mengguna mana-mana kereta, pengangkutan atau bekas yang tidak bersih bagi membawa (atau bekas yang tidak bersih) bagi membawa) atau menghantar apa-apa makanan untuk jualan.

(2) Tiada seorang boleh mengguna apa-apa kereta, pengangkutan atau bekas bagi membawa atau mengisi apa-apa binatang, burung atau lain-lain benda atau bahan di mana keadaan baik, kebersihan atau kebebasan dari pencemaran apa-apa makanan bagi jualan yang dibawa atau diisi atau biasa dibawa atau diisi dalam kereta, pengangkutan atau bekas yang boleh atau mungkin terjejas.

17. (1) Mana-mana orang yang bekerja menjual atau menyediakan bagi jualan apa-apa benda makanan boleh dikehendaki oleh Yang Dipertua menjalani pemeriksaan perubatan tentang kelayakannya untuk diambil bekerja.

Pemeriksaan
perubatan.

(2) Pemeriksaan itu hendaklah dijalankan oleh pegawai perubatan atau kesihatan, yang dilantik sama ada secara am atau khusus oleh Yang Dipertua.

(3) Jika mana-mana orang setelah diperiksa didapati oleh pegawai perubatan atau kesihatan mengidap dari penyakit berjangkit atau infeksi atau apa-apa penyakit kulit yang merbahaya atau adalah, pada pendapat pegawai perubatan atau kesihatan kemungkinan merupakan punca infeksi, Yang Dipertua hendaklah serta-merta hilangkan kelayakan orang yang diperiksa itu daripada bertugas atau bekerja di mana-mana tempat yang digunakan bagi menjual atau menyediakan untuk jualan apa-apa makanan sehingga mana adalah disahkan oleh Pegawai Perubatan atau kesihatan bahawa ia telah sembuh atau kemungkinan tidak lagi menjadi punca infeksi.

(4) Mana-mana orang—

(a) yang enggan menjalani pemeriksaan perubatan bila diminta melakukan; atau

(b) yang mana, setelah diperiksa dan hilang kelayakan,

meneruskan tugas di mana-mana tempat yang diguna bagi menjual atau menyediakan untuk jualan apa-apa benda makanan, ~~hendaklah~~ ^{adalah} bersalah atas suatu kesalahan terhadap undang-undang kecil ini.

(5) Pemunya, pemegang lesen, penduduk atau penjaga mana-mana tempat yang diguna bagi menjual atau menyediakan untuk jualan apa-apa benda makanan, yang mana, setelah diberitahu dengan bertulis oleh Yang Dipertua bahawa seseorang yang bertugas bagi jualan makanan telah enggan menjalani pemeriksaan perubatan atau, setelah diperiksa, hilang kelayakan dari bertugas, memberi permit kepada orang itu meneruskan tugas di dalamnya atau tinggal di dalam kawasan hendaklah bersalah atas suatu kesalahan di bawah undang-undang kecil ini.

18. Sesiapa yang melanggar mana-mana bahagian Undang-Undang Kecil ini adalah bersalah atas suatu kesalahan dan boleh jika disabitkan didenda tidak lebih daripada dua ribu ringgit atau penjara tidak lebih daripada enam bulan atau kedua-duanya sekali dan denda selanjutnya tidak lebih daripada dua ratus ringgit bagi tiap-tiap hari dalam mana kesalahan sedemikian itu diteruskan selepas sabitan.

Denda.

19. Pegawai Kanan Majlis Daerah Kerian yang dilantik oleh Yang Dipertua, Majlis Daerah Kerian boleh mengkompaun kesalahan bersabit dengan Undang-Undang Kecil ini dengan menerima wang sejumlah tidak lebih daripada dua ratus lima puluh

Kompaun
Kesalahan.

ringgit dari orang yang dituduh melakukan kesalahan yang tersebut. Borang tawaran mengkompaun dan penerimaan seperti dalam Jadual yang dikepilkan.

Diperbuat pada 26hb Februari 1981.

MOHD. SHARIFF BIN NOORANI,
Yang Dipertua,
Majlis Daerah Kerian

Disahkan pada 25hb Ogos 1982.
[PSUK. Pk. (KT) 21149.]

MOHD. IDRIS BIN BAHARI,
Setiausaha,
Majlis Mesyuarat Kerajaan, Perak

JADUAL

(Undang-Undang Kecil 19)

TAWARAN MENGGOMPAUN SUATU KESALAHAN

Kepada :

.....
.....
.....

Tuan/Puan,

Rujukan:

Menurut maklumat/aduan yang diterima, saya berpendapat bahawa tuan/puan telah melakukan kesalahan yang berikut:

Peruntukan Undang-Undang yang berkaitan.....
Tarikh Waktu
Tempat.....
Butir-butir kesalahan.....
.....

2. Tuan/Puan adalah dengan ini dimaklumkan bahawa, menurut kuasa yang diberi kepada saya oleh Undang-Undang Kecil (Pengendali Makanan, Majlis Daerah Kerian) 1981 saya bersedia dan dengan ini menawarkan, untuk mengkompaun kesalahan itu dengan bayaran sebanyak \$..... (Ringgit.....).
Jika tawaran ini diterima, pembayaran mestilah dibuat dengan wang tunai, atau dengan kiriman wang, wang pos, pesanan juruwang, pesanan bank, atau draf bank yang dibuat untuk dibayar kepada Yang Dipertua Majlis Daerah Kerian, Parit Buntar dan dipalag dengan perkataan "Akaun Penerima Sahaja" dan boleh diserahkan dengan sendiri kepada saya di alamat yang berikut

.....
Pembayaran melalui pos mestilah dialamatkan kepada Yang Dipertua, Majlis Daerah Kerian, Parit Buntar. Suatu resit rasmi akan dikeluarkan apabila dibayar.

3. Tawaran ini akan habis tempoh.....
 Jika pembayaran penuh jumlah wang yang dinyatakan di atas diterima pada atau sebelum penutupan urusan pada tarikh tersebut, tiada apa-apa langkah pembicaraan selanjutnya akan diambil terhadap tuan/puan berhubung dengan kesalahan itu. Jika tidak, langkah-langkah akan diambil bagi menjalankan pendakwaan tanpa notis selanjutnya.

Bertarikh pada 26hb Februari, 1981.

*

*Untuk ditandatangani oleh orang yang diberi kuasa mengkompaun dan nama serta nama jawatannya mestilah dinyatakan di bawah tandatangannya.

Yang Dipertua,

.....

Saya merujuk kepada tawaran mengkompaun suatu kesalahan di bawah rujukan.....
 dan bertarikh Saya terima tawaran itu dan sertakan bersama ini wang tunai/kiriman wang/wang pos/pesanan juruwang/pesanan bank/draf bank No.....
 sebanyak.....bagi menjelaskan kompaun itu.

Tandatangan.....

Nama (Huruf Besar).....

Alamat.....

Tarikh.....